



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
2755 Jalan Sentosa,
86000 Kluang, Johor.

Tel : 07-772 2946
Laman Web : www.ppdkluang.edu.my

Ruj. Kami : PPDKLG.100-7/5/6 (98)

Tarikh : 09 September 2025

Pengetua & Guru Besar
Sekolah-sekolah Daerah Kluang

Tuan,

**JEMPUTAN PENYERTAAN PERTANDINGAN POSTER INOVASI DAN KREATIVITI (IDEa) 2.0
PERINGKAT DAERAH KLUANG TAHUN 2025**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara diatas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pejabat Pendidikan Daerah Kluang akan mengadakan pertandingan sebagaimana di atas sebagai usaha menyemarakkan pembudayaan inovasi di Daerah Kluang dan mencungkil bakat serta idea-idea inovatif dalam kalangan warga pendidik dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP). **Pertandingan ini memberi peluang untuk mengetengahkan inovasi melalui penyampaian maklumat dalam bentuk poster mengikut template yang disediakan. Inovasi yang dihasilkan mestilah asli, wujud dan tidak hanya dijana melalui Generatif AI (Artificial Intelligence) bagi tujuan pertandingan semata-mata tetapi inovasi tidak digunakan dalam situasi sebenar. Penyalahgunaan teknologi dalam menghasilkan inovasi akan menyebabkan penyertaan adalah terbatal. Inovasi yang telah menyertai Poster IDEa pada tahun sebelum boleh menyertai pada tahun ini dengan syarat terdapat lima puluh peratus (50%) penambahbaikan telah dilakukan.**

4. Sehubungan itu, semua warga dijemput untuk menyertai pertandingan ini melalui pautan <https://linktr.ee/PosterIDEa> atau imbas kod QR seperti di lampiran. Setiap **penyertaan adalah PERCUMA** dan boleh disertai secara individu atau berkumpulan maksimum sepuluh (10) orang ahli kumpulan. **Tempoh pertandingan adalah 9 September sehingga 11 November 2025.** Penyertaan dalam pertandingan ini juga boleh **diiktiraf sebagai pencapaian guru dan sekolah bagi Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) Kualiti@Sekolah**. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pn Nurul Huda Binti Abdul Wahab, Penolong PPD Perancangan di talian 07-7741150. Kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian.

"SYNERGY IN EXECUTION : CONQUER THE CHALLENGE"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI AYUB BIN IBRAHIM)

Pegawai Pendidikan Daerah

Pegawai Pendidikan Daerah Kluang

.../2



PERTANDINGAN

Poster IDEa 2.0

Inovasi Dan Kreativiti

SYARAT PENYERTAAN

- Terbuka kepada semua pegawai, guru dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) yang sedang berkhidmat di **Daerah Kluang**.
- Inovasi yang dihasilkan mestilah **asli, wujud dan tidak hanya dijana melalui Generatif AI (Artificial Intelligence)** bagi tujuan **pertandingan semata-mata** tetapi inovasi tidak digunakan dalam situasi sebenar. Penyalahgunaan teknologi dalam menghasilkan inovasi akan menyebabkan penyertaan adalah terbatal.
- Inovasi yang telah menyertai **Pertandingan Poster IDEa** pada tahun **sebelum** boleh menyertai dengan syarat terdapat **lima puluh peratus (50%) penambahbaikan** telah dilakukan.
- Penyertaan adalah **PERCUMA** secara **individu** atau **berkumpulan** (maksimum 10 orang).
- Poster perlu dihasilkan dalam satu muka surat sahaja dengan menggunakan **templat poster** yang **disediakan** oleh penganjur.
- **e-Sijil penyertaan** disediakan untuk semua poster yang memenuhi syarat pertandingan.
- **e-Sijil pencapaian** diberikan untuk inovasi yang mendapat anugerah **Emas, Perak & Gangsa**.
- **Penilaian** adalah berdasarkan inovasi yang **dihasilkan** (bukan reka grafik poster). **Hadiah** diberikan kepada **tiga inovasi terbaik** pilihan juri.
- **Anugerah Semarak Inovasi** akan dianugerahkan kepada sekolah dengan **penyertaan tertinggi**.
- Tempoh penghantaran poster adalah **9 September sehingga 11 November 2025**.
- Penjurian dilakukan oleh juri profesional dari agensi luar yang dilantik oleh penganjur.
- Keputusan juri adalah muktamad.

MAKLUMAT LANJUT HUBUNGI :

NURUL HUDA (019-7319810)
NUR SHEDA (017-7259698)

SILA IMBAS KOD QR



<https://linktr.ee/PosterIDEa>